

Rujukan kami: UMP.03.08/100-1/3/2 (12)
Tarikh: 6 Oktober 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**EDARAN PEKELILING BENDAHARI BIL.12 TAHUN 2023
PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI
KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN DI UNIVERSITI
MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama ini dilampirkan Pekeliling Bendahari Bil.12 Tahun 2023 berkenaan Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan Di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah untuk makluman dan tindakan YH./ YBhg./ YBrS./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan, selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menialankan amanah,



(DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN)

Bendahari/ Ketua Pegawai Kewangan (CFO)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
 - Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang

ZO/NFMS/Surat/Pekeliling/ Surat Pekeliling Bendahari Universiti/ Folder Dasar & Pematuhan



PEKELILING BENDAHARI BIL.12 TAHUN 2023

Semua Dekan/ Ketua Jabatan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Assalamualaikum wrt.wbt.

YH./ YBhg./ YBrs./ Dato'/ Datin/ Profesor/ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk menetapkan peraturan dan kadar mengenai bayaran saguhati kepada pegawai Kerajaan yang memberi syarahan atau ceramah secara sambilan atau menjadi fasilitator sambilan dalam kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh UMPSA. Peraturan ini adalah bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Perbendaharaan Malaysia mengeluarkan Pekeliling WP 1.8 Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan;

2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke-55 Bil.2/2023 bersetuju menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8 Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan di UMPSA.

3.0 KADAR

Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300 sejam	RM100 sejam	Tidak melebihi $\frac{1}{2}$ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200 sejam	RM100 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 – 52	RM150 sejam	RM90 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41-44	RM120 sejam	RM80 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80 sejam	RM60 sejam	

4.0 SYARAT

Kelayakan bayaran saguhati ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- 3.1 pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;
- 3.2 memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
- 3.3 pegawai dari unit/institusi latihan/pengajian, maktab/institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberisyrarahan/bceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar sekiranya

- kursus/bengkel/majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/institusi/maktab/sekolah yang sama;
- 3.4 urus setia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini;
 - 3.5 bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan
 - 3.6 pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati di bawah Pekeliling ini.

5.0 TARIKH KUAT KUASA


Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa serta-merta.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' ZAINUDIN BIN OTHMAN

Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jumaat, 6 Oktober 2023

- Salinan kepada :
- 1) Naib Canselor
 - 2) Timbalan - Timbalan Naib Canselor
 - 3) Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
 - 4) Ketua Pustakawan
 - 5) Penasihat Undang-Undang